

## ikon-ikon asas PORTAL MPK GIS



Untuk memaparkan keseluruhan kawasan MPK kemaman.

Untuk memaparkan mukim yang dikehendaki. Klik pada paparan mengikut mukim kemudian pilih nama mukim yang dikehendaki.

Berfungsi untuk memaparkan jenis gunatanah yang dikehendaki dipaparkan atas peta.

Digunakan Untuk Carian Nama Taman atau Kampung.

- ☞ Klik pada ikon carian nama taman/kampung.
  - ☞ Keluar tettingkap carian nama taman/kampung, masukkan nama taman/ kampung yang dikehendaki, Cth :Taman Selasih
  - ☞ Kemudian klik ok.
- Peta akan memaparkan nama Taman/Kampung yang dikehendaki oleh pengguna



Digunakan Untuk Carian Lot

- ☞ Klik pada ikon carian lot.
  - ☞ Kemudian keluar tettingkap carian lot -> masukkan no lot dan mukim yang dicari. Cth: Lot : 911, Mukim :Cukai
  - ☞ Kemudian klik carian lot.
- Peta akan memaparkan lot yang dikehendaki oleh pengguna.




Digunakan Untuk Carian Jalan

- ☞ Klik pada ikon carian jalan.
  - ☞ Keluar tettingkap carian jalan:- masukkan nama jalan yang dikehendaki.Cth : Jln Selasih
  - ☞ Kemudian klik ok.
- Peta akan memaparkan lokasi jalan dan nama jalan yang dikehendaki oleh pengguna



Digunakan Untuk Carian Kemudahan

- ☞ Klik pada ikon carian kemudahan.
  - ☞ Kemudian keluar tettingkap carian kemudahan-> masukkan jenis kemudahan yang dicari. Cth: SMK Cukai
  - ☞ Kemudian klik ok
- Peta akan memaparkan kemudahan yang dikehendaki pengguna.




1. Butang Info - Digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai data yang dipaparkan. Satu tettingkap info tool akan muncul dan memaparkan maklumat yang dikehendaki.
2. Polygon select - berfungsi untuk membuat pilihan pada data di dalam peta. Apabila polygon select diaktifkan klik pada kawasan yang dikehendaki kemudian klik kanan.
3. Select (pilih) - Berfungsi untuk membuat pilihan pada sebarang data yang dikehendaki untuk mendapatkan maklumat
4. Menggerakkan peta (pan) - Butang penggerak digunakan untuk mengalihkan kedudukan paparan peta pada kawasan yang dikehendaki.
5. Zoom In (Pembesaran) - digunakan untuk membesarkan skala peta secara lebih dekat pada data yang dikehendaki.
6. Zoom Out (Pengecilan) - Digunakan untuk mengecilkan skala peta yang dikehendaki.
7. Label - Berfungsi untuk melabelkan objek dengan maklumat pada pengkalan data.
8. Ruler ( Pembaris ) - Berfungsi untuk menentukan jarak antara 2 titik ( point )
9. Layer Control ( Kawalan Lapisan )- Berfungsi untuk mempelbagai kedudukan lapisan yang dipaparkan pada paparan peta.
10. Open File ( Buka Fail ) - Berfungsi untuk membuka fail ( data ) yang diperlukan.
11. Print ( Cetak ) - Berfungsi untuk mencetak data, pengkalan data, layout, graf dan browser.



Berfungsi untuk keluar atau tutup GIS Kemaman setelah selesai digunakan.



# mpkemaman Sistem Maklumat Geografi



Jabatan Perancangan Bandar  
 Majlis Perbandaran Kemaman

## apa itu GIS KEMAMAN

Sistem Maklumat Geografi ( GIS Kemaman ) merupakan satu sistem maklumat yang dibangunkan untuk menyokong perolehan, pengolahan, penganalisaan dan pemaparan data.

Kelebihan GIS adalah keupayaan menghubungkan maklumat berbentuk peta atau grafik atribut serta analisa spatia secara bersepadu berdasarkan kehendak pengguna. Sebagai pendekatan yang lebih cekap dan terkini. Penggunaan sistem ini dapat membantu dalam menghasilkan keputusan-keputusan perancangan yang lebih baik, tepat dan cepat.



## bilakah GIS KEMAMAN dibangunkan

GIS Kemaman mula dibangunkan pada tahun 2002 dengan melibatkan 3 mukim iaitu Mukim Cukai, Telok Kalong dan Kertih pada peringkat awal. Sebanyak 14 lapisan data diperkenalkan iaitu peta asas, pentadbiran, demografi, perancang bandar, perumahan, perindustrian, perdagangan, gambar udara, perlancongan, kemudahan awam, pengangkutan dan alam sekitar.



## VISI

Menjadikan GIS Kemaman sebagai sebuah pusat rujukan maklumat GIS yang unggul di daerah Kemaman yang boleh dipercayai.

## MISI

Memacu pembangunan daerah Kemaman melalui teknologi GIS ke arah sistem perancangan pembangunan yang cekap dan berkesan.

## MATLAMAT

Matlamat utama GIS Kemaman dibangunkan adalah untuk membolehkan perkongsian maklumat dalam bentuk data geografi yang digunapakai dalam pentadbiran, pengurusan dan penyelenggaraan antara Pihak Berkuasa Tempatan, dan orang awam bagi seluruh kawasan pentadbiran majlis.

## OBJEKTIF

1. Sebagai pembekal utama bagi maklumat dan perkhidmatan GIS di daerah ini.
2. Menggalakkan perkongsian maklumat antara jabatan dalaman, orang awam dan pemaju.
3. Mempersembahkan data, memproses, menganalisa dan mengeluarkan 'output' yang diperlukan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih cepat berbanding dengan sistem manual.
4. Menyediakan satu pangkalan data spatial (base map) yang boleh dihubungkan dengan pangkalan data sistem dari jabatan-jabatan lain dan orang awam.
5. Dapat memaparkan maklumat gunatanah secara grafik menggunakan konsep layer dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.

## FUNGSI

GIS Kemaman digunakan untuk :-

- 1. Pencarian lot tanah, nama taman, nama jalan dan lorong
- 2. Memaparkan maklumat mengenai gunatanah daerah Kemaman.
- 3. Mengenalpasti jenis gunatanah, kemudahan awam dan utiliti, sirkulasi jalan dan lain-lain
- 4. Pemrosesan penganalisaan maklumat-maklumat GIS mengikut keperluan dan kehendak pengguna.
- 5. Membantu jabatan kerajaan merancang projek-projek pembangunan negeri menggunakan teknologi GIS.

## bagaimana menggunakan GIS KEMAMAN

Matlamat utama GIS Kemaman dibangunkan adalah untuk membolehkan perkongsian maklumat dalam bentuk data geografi yang digunapakai dalam pentadbiran, pengurusan dan penyelenggaraan antara Pihak Berkuasa Tempatan, dan orang awam bagi seluruh kawasan pentadbiran majlis.

